

Lampiran 1

MIC

PUSINGAN KEDUA

WAWASAN 2020 DAN KAUM INDIA

A PERSPEKTIF SEJARAH MENGENAI STRUKTUR MASA KINI

A-I KEDUDUKAN MASYARAKAT KETURUNAN INDIA: BIDANG-BIDANG YANG PERLU DIKAJI

1. Menjelang tahun 90an, Malaysia sedang pesat maju ke arah matlamat sebuah negara industri baharu. Tetapi kemajuan negara tidak sama rata, dengan beberapa kaumnya mencapai tahap kemajuan yang berbeda-beda antara satu sama lain.
2. Masyarakat keturunan India yang merupakan kelompok etnik yang ketiga besarnya selain daripada masyarakat Melayu dan Cina, adalah paling mundur sekali. Dengan sebahagian besar kaum tersebut masih berada di luar arus (mainstream) pembangunan, maka mereka ketinggalan di belakang kaum-kaum lain yang menikmati kemajuan hasil pembangunan ekonomi.
3. Mengapa masyarakat keturunan India dalam kedudukan seperti itu? Dan apakah yang harus dilakukan untuk menempatkan mereka ditahap yang sama dengan kaum-kaum lain? Kertas kerja ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama membincangkan kedudukan India dan betapa nasib mereka sepanjang dekad-dekad yang lalu. Bahagian kedua menganalisa masalah-masalah mereka dan sebab-sebab maka kedudukan mereka begitu tahapnya. Bahagian ketiga menyarankan penyelesaian dalam kerangka satu program tindakan yang menghuraikan objektif-objektif yang terdekat ke arah mencapai objektif-objektif nasional yang lebih besar.
4. Masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum India amatlah besar bagi kaum itu, dengan kemampuannya yang terbatas, untuk menyelesaikan secara sendirian. Sementara program tindakan menganjurkan agar kaum India berusaha secara berhabis-habisan, namun objektif-objektifnya tidak mungkin tercapai tanpa pertolongan secara besar-besaran dari Kerajaan dan kerjasama dari kaum-kaum lain.

Kewujudan sebuah masyarakat bersatu padu yang merupakan rakan kongsi yang setanding kedudukannya di antara satu sama lain memerlukan bahawa kaum yang tercicir dan terbelakang dibantu agar mencapai persamaan tahap dengan kaum-kaum lain. Kemiskinan tidak sesuai untuk negara yang maju, terutama sekali sekiranya ia dihubungkan dengan satu kelompok etnik. Yang demikian, keadaan kaum India harus merupakan satu soal keperihatinan nasional. Ia mesti diterima sebagai satu-satu cabaran yang harus diatasi bersama kalau sekiranya Wawasan 2020 hendak dijadikan kenyataan.

A-II SERATUS TAHUN PERTAMA: LATAR SATU ANGKATAN BURUH

6. Kaum buruh India mula dibawa ke negara ini dari benua India dalam separuh masa kedua kurun ke-19, tetapi pengaliran itu kian lancar hanya dalam zaman kemewahan getah setelah tahun 1905.
7. Pengalaman hidup ditindas oleh penjajah dan diperas oleh tuan-tuan punya ladang telah menjadikan kaum buruh dari India Selatan itu sebagai pekerja-pekerja yang berjiwa hamba yang dianggap oleh British paling sesuai untuk berkerja diladang-ladang mereka di Malaya.

8. Dengan pembukaan negeri-negeri Melayu, British juga memerlukan golongan yang terdidik dalam Bahasa Inggeris untuk mengisi pentadbiran mereka yang kian membesar. Sementara orang-orang Eropah terus memonopoli jawatan-jawatan tinggi dalam perkhidmatan awam, maka orang-orang India dan Ceylon, kini Sri Lanka, telah diambil berkerja di peringkat-peringkat rendah.
9. Orang-orang India dan Ceylon yang berpendidikan Inggeris juga diambil untuk berkhidmat sebagai pegawai-pegawai perubatan dan tukang-tukang ukur, juga dalam bidang-bidang profesional dan teknikal.
10. Kaum buruh dan kakitangan perkhidmatan awam itu datang ke Malaya melalui program-program yang dibiayai oleh kerajaan. Dengan pentadbiran di Malaya berkembang terus, maka orang-orang India dan Ceylon yang berpendidikan Inggeris telah membantu kaum keluarga dan sahabat handai mereka berhijrah ke Malaya untuk merebut peluang pekerjaan dan kamudiannya merebut pula peluang-pelajaran di negara ini.
11. Hasil latar belakang mereka, maka orang-orang India dan Ceylon yang berpendidikan Inggeris telah sedia memahami sistem pentadbiran British dan yang demikian tahu bagaimana caranya untuk memajukan diri mereka dalam masyarakat. Mereka mencapai kemajuan luar biasa dibawah pemerintahan British dan mencapai kedudukan lebih baik dari buruh India di estet-estet bahkan kedudukan mereka lebih baik pula dari orang-orang Melayu yang merupakan anak negeri.
12. Orang-orang India dan Ceylon berpendidikan Inggeris itu mencapai kedudukan yang sebaik-baiknya untuk memanfaatkan peluang-peluang mengejar pelajaran tinggi. Kebanyakan pemuda-pemudi mereka yang menerima pendidikan asas di India dan Ceylon telah melanjutkan pelajaran tinggi mereka di Malaya dalam institusi-institusi teknik dan perubatan yang baharu didirikan di negara ini. Tradisi merebut ilmu pengetahuan demi menikmati kerjaya yang lebih tinggi telah dipupuk dan digalakan sepanjang zaman itu, generasi demi generasi.
13. Kemakmuran golongan kaum India yang berpendidikan Inggeris tidak melimpah kepada orang lain dari kaum tersebut. Kaum buruh ladang terus hidup dan berkerja dalam keadaan-keadaan yang amat menyediakan tanpa mempunyai harapan membaiki masa depan mereka dan kaum keluarga mereka. Sekolah-sekolah Tamil di estet kekurangan alat kelengkapan untuk memberikan pelajaran yang lebih dari pendidikan asas sahaja. Yang demikian, sementara anak-anak dari golongan India dan Ceylon yang terpelajaran mencapai kemajuan sebagai doktor, peguam dan seumpamanya, anak-anak kaum pekerja estet mengikut jejak langkah ibubapa mereka.
14. Bagaimanapun, nasib pekerja-pekerja estet itu tidaklah terbiar begitu tanpa menerima perhatian dari kalangan tertentu masyarakat India. Setengah-setengah mereka yang berjiwa radikal yang memperjuangkan nasib mereka di awal kurun ke-20 khususnya wartawan dan pemimpin-pemimpin kesatuan pekerja itu supaya bangkit memperjuangkan hak-hak mereka sambil mengatur pemogokan untuk memperjuangkan tuntutan-tuntutan mereka. Ini menyebabkan ramai aktivist dan ratusan pekerja tertangkap sedangkan ramai lagi dibuang negeri. Semenjak itu kesatuan-kesatuan yang redikal telah dihapuskan manakala pemimpin-pemimpin mereka disingkir hingga yang tinggal hanya wakil-wakil pekerja yang lunak yang dapat diterima oleh para majikan.

15. Struktur sosio-ekonomi masyarakat India yang ditandai oleh pemisah yang tajam di antara golongan mewah yang kecil di satu pihak dan golongan majoriti yang berpendapatan rendah, masih belum berubah secara besar.

A-III 20 TAHUN YANG LALU: PENGANIAYAAN YANG TERSOROK SELAMA BEBERAPA DEKAD

16. Pembangunan Malaysia dari tahun 1970 hingga tahun 1990 berlandaskan Dasar Ekonomi Baru atau DEB yang menjadi dasar pula kepada Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama.
17. Dasar itu mempunyai dua tujuan besar yang saling kait mengait. Ia bertujuan membasi kemiskinan dengan meningkatkan tahap pendapatan dan menambahkan peluang untuk seluruh rakyat Malaysia tanpa membezakan kaum. Ia juga bertujuan untuk menyusun semula masyarakat demi membaiki ketidakseimbangan ekonomi dan akhirnya menghapuskan identifikasi satu-satu kaum mengikut bidang pekerjaan masing-masing.
18. Walaupun tujuan-tujuan itu belum tercapai sepenuhnya, kemiskina dan ketidaksamaan ekonomi telah banyak dikurangkan. Dasar itu telah berhasil meningkatkan tahap ekonomi kaum Bumiputra manakala memelihara kedudukan kaum bukan Bumiputra yang kukuh. Kaum Bumiputra telah berjaya melangkah masuk ke sektor bandar sambil menambah jumlah mereka dalam bidang profesional manakala kaum bukan Bumiputra terus memainkan peranan yang berpengaruh dalam bidang ekonomi yang berkembang. Kaum bukan Bumiputra terus memelihara kedudukan mereka yang lebih ramai dalam bidang profesional. Mereka memegang kebanyakan jawatan sebagai penyelia dan pengurus dalam bidang swasta dan berjaya mendapat 46.2 peratus ekuiti (ekuiti) dengan melebihi matlamat 40 peratus.
19. Tetapi cara penilaian seperti ini - dengan kaum Bumiputra di satu kelompok manakala yang lain dalam kelompok yang lain pula - agak mengelirukan. Ia tidak mengambil kira secukupnya akan kedudukan-kedudukan yang berbeda dari kelompok-kelompok yang berlainan dalam golongan bukan Bumiputra.
20. *Kaum India menanggung kerugian kerana digolongkan besama-sama kaum Cina yang jauh lebih maju.* Kemajuan kaum Cina disifatkan sebagai kejayaan bagi kaum India juga sedangkan hal sebenarnya ialah kaum India tidak mencapai apa-apa kemajuan pun. Umpamanya, tambahan hak milik ekuiti bukan Bumiputra sebanyak 46.2 peratus itu tidak pun merupakan kejayaan untuk kaum India. Peruntukan kaum India dari hak milik ekuiti itu hanya berjumlah satu peratus sahaja - jumlah inilah juga jumlah ekuiti kaum India pada masa DEB dilancarkan.
21. Sebagai akibat dari pendekatan ini, golongan kaum India yang miskin di estet-estet kurang menerima perhatian yang selayaknya. Mereka tidak dimasukkan dalam gerakan membasi kemiskinan yang dilancarkan oleh Kerajaan iaitu gerakan yang telah membawa perubahan kepada kawasan-kawasan luar bandar.
22. Dasar Pembangunan Negara atau DPN yang menggantikan DEB, juga menggolongkan kaum-kaum di negara ini sebagai Bumiputra dan bukan Bumiputra. Bagaimanapun Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan akan lebih

prihatin terhadap masalah-masalah hidup golongan-golongan yang mundur dari kaum Bumiputra dan bukan Bumiputra. Ketika membentangkan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang berasaskan DEB, beliau telah khusus menyebut kaum Bumiputra di Sabah dan Sarawak serta kaum India di semenanjung. Pada ketika itu, pada 17 Jun 1991, beliau memberitahu parlimen bahawa kaum-kaum minoriti Bumiputra dan bukan Bumiputra masih ketinggalan dibelakang dalam beberapa sektor. Yang demikian katanya, "Keperluan mereka untuk mendapatkan pertambahan peluang pendidikan dan pekerjaan akan diberi perhatian yang lebih."

23. Ikrar Pendana Menteri itu adalah sesuai dengan tujuan DEB untuk mencapai pembangunan yang seimbang demi mewujudkan satu masyarakat berpadu dan adil. Untuk kaum India, perhatian yang paling besar harus diberikan kepada golongan miskin dan anak-anak mereka yang terpaksa membuat persiapan untuk mendapat pelajaran tinggi dan menghadapi satu masa depan yang lebih mencabar.

A - IV SUDUT YANG CERAH: KEJAYAAN DALAM DEKAD YANG LALU.

24. Setelah menyenaraikan hal-hal yang kekurangan dan yang menjadi kelemahan maka tentunya adil untuk menyebut beberapa kejayaan yang dicapai dalam masa dua dekad lalu terutamanya dalam masa 10 tahun yang lampau.
- (i) Kejayaan dalam pendidikan ialah di antara kejayaan yang penting sekali. Kejayaan-kejayaan ini termasuk penubuhan MIED, iaitu Institusi Maju untuk Pembangunan Pendidikan. MIED ditubuhkan sebagai sebuah syarikat dalam tahun 1984 dengan Presiden MIC sebagai pengurus. Modal permulaan untuk pertubuhan yang tidak didasarkan pada keuntungan telah didapati dari loteri yang dilancarkan oleh MIC. Hasil loteri itu ialah RM6 juta.
 - , (ii) Di antara institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh MIED ialah Maktab TAFE (pendidikan teknik dan pendidikan lanjutan) di Seremban, Negeri Sembilan. Institusi itu dibuka dalam tahun 1989 setelah sebuah memorandum persetujuan ditandatangai dengan jabatan TAFE, Kementerian Pendidikan, Australia Barat. Memorandum ini ditandatangani dalam tahun 1988 oleh pengurus MIED yang memulakan usaha menyelenggarakan khusus-khusus TAFE di negara ini. Kolej di Seremban itu ialah satu-satunya institusi TAFE di luar Australia. Kolej berharga RM 30 juta itu didirikan dengan bantuan kerajaan berjumlah RM8 juta. Kolej TAFE akan menampung 3,500 pelajar didirikan di sebuah bidang tanah yang disediakan oleh kerajaan Negeri Sembilan. Ia menawarkan khusus-khusus dalam berbagai jenis ilmu kejuruteraan dan perdagangan selain pelajaran komputer. Ia mempunyai 30 pensyarah. Jumlah pensyarah dan kursus-kursus akan ditingkatkan.
 - (iii) Vanto Acedemy yang didirikan sebagai sebuah institusi untuk memberikan pelajaran lanjutan kepada kaum India telah dibeli oleh MIC dalam tahun 1980. Walaupun masih memberikan pendidikan menengah namun akademi ini telah mulai menawarkan beberapa jenis khusus undang-undang. Dalam bulan Januari 1992, akademi itu telah menandatangani sebuah memorandum persetujuan dengan Curtin University, Australia Barat untuk mengadakan khusus-khusus peringkat diploma dalam pengajian perdagangan.

- (iv) Sebuah syarikat induk telah didirikan dalam tahun 1984 bagi menolong meningkatkan penyertaan kaum India dalam bidang perniagaan dan industri. Maika Holdings, alat industri bagi MIC, kini terbabit dalam perusahaan penanaman kelapa sawit, membuat sarung tangan getah, membuat minuman ringan, pembahagian komputer dan jasmani dan masa depan perniagaan adalah di antaranya. Ia juga mempunyai pelaburan dalam Sistem Televisyen Malaysia atau TV3.
- (v) Peluang-peluang telah dibuka untuk kaum India membeli saham dalam syarikat-syarikat kerajaan yang telah diswastakan, termasuklah Syarikat Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, Malaysia Airlines, Malaysia International Shipping Corporation dan Edaran Otomobil Nasional (EON).
- (vi) Terdapat peningkatan yang besar dalam jumlah orang-orang keturunan India yang diambil berkhidmat dalam perkhidmatan awam termasuk diperingkat tinggi. Lebih banyak badan-badan yang mempunyai kaitan dengan kerajaan yang kini mempunyai pegawai-pegawai keturunan India dalam lembaga-lembaga pengurusan.
- (vii) MIC telah diberikan lebih banyak kerusi dalam majlis-majlis tempatan, dewan-dewan undangan negeri dan Parlimen. Dalam Kerajaan Persekutuan, MIC telah diberikan sebuah lagi jawatan iaitu jawatan Setiausaha Parlimen.
25. Perubahan-perubahan yang baik disebutkan di sini ialah dalam bidang-bidang yang disifatkan oleh MIC sebagai perubahan paling penting untuk memastikan kesejahteraan kaum India. Soal-soal memberikan peluang pelajaran, perniagaan, pekerjaan dan kerjaya serta soal memberikan peluang lebih luas kepada kaum India dalam institusi-institusi politik akan terus menerima keutamaan.
26. Golongan termiskin dikalangan kaum India tidak semata-mata terdiri dari pekerja-pekerja estet yang berpendapatan RM10 hingga RM12 sehari walaupun mereka boleh dikatakan merupakan golongan paling daif. Tetapi sebahagian besar kaum India yang tinggal di kawasan-kawasan bandar juga mempunyai pendapatan rendah.
27. Pekerja-pekerja kilang yang berjumlah lebih ramai dari pekerja-pekerja di estet ialah golongan yang paling ramai sekali antara orang-orang India yang daif dibandar. Bagaimanapun kebanyakan mereka mempunyai pekerjaan yang terjamin dan pendapatan mereka adalah lebih dari kebanyakan pekerja di bidang perkhidmatan termasuklah tukang-tukang kebun dan pencuci kain.
28. Dalam kategori bukan pekerja kasar jumlah pekerja-pekerja keturunan India sebenarnya telah bertambah tetapi jumlah itu merosot dibandingkan dengan jumlah nasional. Terkecuali ialah kategori pentadbiran dan pengurusan-pengurusan di mana pekerja-pekerja keturunan India telah meningkat sedikit dari segi jumlah dan peratusan.
29. Perubahan-perubahan dalam tenaga pekerja orang-orang keturunan India tidak banyak memberi kesan kepada struktur sosio-ekonomi kaum India. Golongan daif yang ada sekarang berupa golongan yang daif sejak dekad-dekad yang lalu. Perubahan hidup yang lebih baik umumnya tercapai oleh golongan-golongan dalam masyarakat India yang, di masa lalu, memang telah sedia berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk membolehkan mereka mempergunakan peluang-peluang

memperbaiki tahap hidup mereka. Keadaan ini menunjukan betapa perlunya diberikan keutamaan kepada golongan daif kaum India bila negara mengagihkan bantuan kepada masyarakat India.

A-V PENINJAUAN TERHADAP TENAGA MANUSIA: KEBANYAKAN PEKERJA BERGAJI RENDAH.

Angka-angka ini mengenai pekerjaan orang-orang dari kaum India telah dipetik dari Rancangan Malaysia Keenam:

	1985('000)	1990('000)
Pekerja-pekerja profesional dan teknikal*	36.7	44.8
(%)	8.7	7.7
Pekerja-pekerja profesional yang berdaftar**	3.9	5.4
(%)	13.9	13.2
Guru dan Jururawat	10.8	13.7
(%)	6.4	6.3
Pegawai Eksekutif pentadbiran dan Pengurus	6.6	8.6
(%)	5.1	5.3
Kakitangan Kerani	41.6	50.5
(%)	7.6	7.8
Kakitangan Jurujual	42.7	49.7
(%)	6.8	6.5
Pekerja-pekerja Perkhidmatan	64.6	81.8
(%)	10.1	10.6
Pekerja-pekerja Pertanian	140.9	131.4
(%)	8.2	7.0
Pekerja-pekerja penghasilan	161.5	195.9
(%)	10.5	10.7
Jumlah	494.6	562.7
(%)	8.8	8.5

* Terdiri bukan sahaja dari orang-orang profesional dan pekerja-pekerja yang mempunyai kelayakan teknik tetapi juga golongan bawah profesional dan bawah teknikal seperti draughtsmen dan pembantu-pembantu makmal setra guru-guru dan jururawat.

** Terdiri dari mereka yang berdaftar dalam lapan badan profesional: untuk akitek, jurutera, juru ukur, doktor, doktor gigi, doktor haiwan, juru kira-kira dan peguam.

A-VI JAWATAN-JAWATAN PENGURUSAN: SEDIKIT TAMBAHAN.

Angka-angka ini mengenai pegawai-pegawai eksekutif kaum India dipetik dari Rancangan Malaysia Keempat, Kelima dan Keenam.				
'70	'75	'80	'85	'90
7.8	7.3	4.9	5.1	5.3

30. Walaupun peratusan kaum India dalam jawatan-jawatan pentadbiran dan pengurusan telah bertambah sedikit dari tahun 1985 ke tahun 1990, namun sebahagian dari jumlah seluruh negara adalah lebih kecil dari jumlah pada tahun 1970.

A-VII BIDANG PROFESIONAL (IKTISAS): JUMLAH BERKURANGAN

Sumber-sumber untuk data ini telah dipetik dari Rancangan-rancangan Malaysia yang Keempat dan Kelima dan ulangkaji separuh penggal rancangan-rancangan itu serta laporan mengenai prestasi DEB dari tahun 1986 hingga tahun 1990 serta Prospects Plans tahun 1989-1990.			
	1970	1988	1990
Akitek	1.4	1.5	1.2
Juru kira-kira	7.9	6.3	6.2
Jurutera	13.5	5.3	5.3
Doktor Gigi	5.1	28.0	23.7
Doktor	40.2	35.0	34.4
Doktor haiwan	15.6	35.0	37.0
Peguam	35.2	29.0	26.5
Jurukur	7.5	5.2	3.7

31. Peratusan kaum India dalam jawatan-jawatan tersebut diramalkan akan meningkat sedikit sahaja kepada 5.4 peratus dalam tahun 1995 dan 5.5 peratus dalam tahun 2020. Ini adalah kadar peningkatan yang lambat yang hanya boleh dipercepatkan sekiranya orang-orang keturunan India lebih ramai mempunyai kelulusan-kelulusan dalam disiplin-disiplin pengajian yang berguna untuk negara.
32. Tidak ada angka yang tepat mengenai pegawai-pegawai ketua eksekutif kaum India tetapi jumlah itu ditafsirkan kecil. kecuali, segelintir sahaja maka kebanyakan mereka dipecayai bekerja di pertubuhan-pertubuhan milik orang-orang India sendiri seperti Maika.
33. Selama 20 tahun yang lalu, jumlah orang-orang keturunan India dalam bidang iktisas atau profesional telah beransur merosot. Dan aliran ini berjalan terus, dengan beberapa tempat diperuntukan kepada orang-orang keturunan India dalam jurusan sains dan teknikal di universiti-universiti tempatan serta dengan perbelanjaan meningkat di institusi pelajaran swasta.
34. Jumlah akitek, juru kira-kira dan juru ukur orang-orang keturunan India - tidak pernah tinggi sebenarnya - juga merosot. Kemerosotan itu lebih buruk di bidang kejuruteraan, dimana peratusan orang-orang India lebih sedikit dari satu pertiga dari kadarnya sebelum ini.
35. Walaupun orang-orang keturunan India ramai di bidang undang-undang dan perubatan, keadaan ini akan berubah sekiranya keadaan sekarang terus berlaku. Sepanjang tiga tahun yang lalu, jumlah doktor-doktor keturunan India beransur-ansur merosot dari 40.2 peratus dalam tahun 1970 kepada 35 peratus dalam tahun 1988 dan 34.4 peratus dalam tahun 1990.
36. Orang-orang keturunan India mencapai kemajuan yang baik hanya dalam kedoktoran haiwan dengan jumlah mereka bertambah beberapa kali ganda dari angka tahun 1970.
37. Begitu pun, doktor-doktor, peguam-peguam, dan doktor-doktor gigi dan doktor-doktor haiwan keturunan India berjumlah hanya 3,619 iaitu 0.6 peratus dari tenaga buruh masyarakat India.
38. Pemilihan lapan pekerjaan itu untuk mengukur penyertaan babarapa kaum dalam bidang-bidang iktisas mungkin mengelirukan. Pekerjaan moden seperti bidang sistem penganalisaan, juruprogram dan ahli ekonomi harus dimasukkan juga. Dalam bidang-bidang ini, orang-orang India jauh terkebelakang.

A-VIII PERNIAGAAN: AMAT KURANG DARI SEJAK BERMULA

39. Ekuiti orang-orang keturunan India dalam syarikat-syarikat berhad ialah 1.0 peratus dalam tahun 1970. Dalam tahun 1988, menurut Rancangan Malaysia Kelima, modal saham orang-orang India ialah 1.2 peratus. Tambahan sebanyak 0.2 peratus selama 18 tahun tidak boleh dikatakan sebagai menggalakkan.

40. Tetapi berita lebih buruk menyusul kamudian. Angka-angka terakhir yang diberikan oleh Rangka Rancangan Jangka Panjang kedua menunjukan ekuiti orang-orang keturunan India ialah 1.0 peratus - sama dengan angka tahun 1970.
41. Memandangkan kemampuan orang-orang keturunan India terbatas, dengan kebanyakannya mereka menderita akibat tekanan kemiskinan dan tanpa pertolongan besar dari Kerajaan atau institusi kewangan, keadaan ini tidak menghairankan.
42. Kekurangan kepakaran dan keterbatasan kewangan telah menghalang sebarang rancangan orang-orang India untuk meningkatkan asas-asas korporat mereka.

A-IX PENDIDIKAN TINGGI: TIDAK ADA PERUBAHAN BESAR

43. Tidak ada perubahan besar dalam pengambilan pelajar-pelajar keturunan India dalam universiti-universiti dan maktab-maktab, baik dalam jumlah dan jenis-jenis kursus yang ditawarkan.
44. Ini adalah satu dari dua sebab yang berhubung kait untuk peratusan kecil orang-orang keturunan India dalam peringkat pekerjaan yang tinggi. satu sebab lain ialah keadaan sekolah-sekolah Tamil yang daif yang tidak mengadakan persiapan secukupnya untuk pembelajaran lepas persekolahan rendah.

Angka-angka ini mengenai pengambilan pelajar-pelajar India dalam institusi-institusi akademik telah diambil dari rancangan-rancangan Malaysia Keempat dan Kelima.				
	'70	'80	'85	'88
Kursus-kursus Ijazah dalam Institusi-institusi Tempatan	7.3	5.7	6.5	6.6
Kursus-kursus Diploma dalam Institusi-institusi Tempatan	1.0	0.8	0.5	0.5
Kursus-kursus Diploma dalam Institusi-institusi Tempatan dan Luar Negeri	-	-	5.8	4.2
Kursus-kursus Sijil dalam Institusi-institusi tempatan dan luar negeri	-	-	11.6	9.4

B. BUTIR-BUTIR DI WAJAH KEMISKINAN

B-I MENGANALISA MASALAH: MEMBASMI SEBAB MUSABAB

45. Ada banyak sebab kemiskinan kaum India, setengahnya menyentuh semua kelompok walaupun ukuran kemiskinan itu berbeda di antara satu kelompok dengan satu kelompok yang lain bergantung antara lain pada tempat kerja masing-masing, cara kehidupan mereka dan sikap pihak majikan.
46. Pekerja-pekerja estet adalah satu-satunya kelompok keturunan India disentuh segala faktor kemiskinan - sejarah sosial, ekonomi dan kebudayaan. Mereka wajar diberi perhatian khas tidak sahaja kerana sebab ini, tetapi lebih kerana mereka merupakan kelompok yang terbesar sekali yang menanggung kemiskinan yang teruk sekali dikalangan kaum India.
47. Kajian kami terhadap kemiskinan kaum India akan didasarkan kepada bidang yang khusus dan kepada bidang yang umum. Kami akan bincangkan nasib pekerja-pekerja estet dan setelah itu kami akan mengenal pasti ciri-ciri yang khusus mengenai kemiskinan kaum India di merata tempat dalam negara.

B-II FABRIK KEMISKINAN KAUM INDIA: TUMPUAN KE ATAS ESTET-ESTET.

48. Sebarang usaha menyeluruh untuk menolong masyarakat India harus memberi keutamaan kepada pekerja-pekerja ladang kerana mereka ialah kelompok yang sangat memerlukan pertolongan.
49. Nasib mereka yang menyediakan lahir dari kecuaian, penganiayaan dan penindasan yang bermula dari saat pekerja-pekerja itu dibawa ke negeri ini sebagai buruh oleh British lebih dari seratus tahun lalu.
50. Kemerdekaan negara ini dari British dalam tahun 1957 telah tidak membawa perubahan kepada syarat-syarat perkhidmatan mereka ataupun keadaan-keadaan tempat mereka berkerja. Pemilik-pemilik baharu ladang-ladang getah itu malah lebih ghairah untuk meneruskan cara British mengurus ladang-ladang mereka iaitu cara tuan menindas hambanya. Sepanjang masa itu, sedikit sangat majikan yang memperlihatkan kecenderungan untuk memberikan gaji yang wajar dan keadaan hidup yang selesa untuk pekerja-pekerja mereka.
51. Pekerja-pekerja dibayar menurut gaji hari, dan pendapatan mereka purata ialah RM300 sebulan. Mereka hidup dalam tempat-tempat tinggal yang sempit dan bersesak-sesak bersama keluarga yang besar. Kebanyakan estet-estet tidak mempunyai bekalan letrik yang sempurna dan pembekalan air paip untuk pekerja-pekerja. Rumah-rumah sakit di estet tidak dilengkapi dengan alat-alat yang cukup sedangkan kakitangan hospital pula amat berkurangan dan hanya memberi rawatan paling mudah. Kira-kira 90 peratus sekolah-sekolah estet kekurangan guru-guru terlatih serta kemudahan-kemudahan dan bangunan yang sempurna.

52. Sembilan faktor yang menjadi punca keadaan demikian:

- (i) Estet-estet tidak dianggap sebagai sebahagian dari sektor luar bandar, dan tidak menerima manfaat projek-projek besar kerajaan untuk memajukan kawasan pendalaman dan pembenterasan kemiskinan. Pembangunan ladang dan kesejahteraan pekerja-pekerja ladang diserahkan sebahagian besarnya kepada budi bicara majikan sektor swasta.
 - (ii) Majikan seolah-olah merasa bahawa Kerajaan kurang prihatin terhadap nasib pekerja-pekerja estet, menganggap diri mereka bebas untuk mengurangkan perbelanjaan mereka memelihara kepentingan dan kebijakan kaum pekerja.
 - (iii) Undang-undang dan rancangan-rancangan untuk membaiki keadaan hidup serta kemudahan-kemudahan seperti sekolah dan rumah sakit di estet-estet umumnya tidak dihiraukan oleh pihak pengurusan estet. Sikap tidak ambil peduli ini dapat dilihat dari kedinginan majikan menyambut rancangan yang dilancarkan pada tahun 1974 oleh Allahyarham Pendana Menteri Tun Abdul Razak untuk menolong pekerja-pekerja estet memiliki rumah kediaman sendiri. Pinjaman sebanyak RM10 juta telah diperuntukan untuk tujuan tersebut. Sejumlah estet telah membina rumah untuk pekerja-pekerja mereka untuk membeli rumah tersebut. Tetapi yang lain tidakpun berbuat apa-apa untuk melaksanakan rancangan itu. Sikap tuan-tuan punya estet terhadap Akta Pekerja (Tahap Minima Perumahan dan Kemudahan) 1990 merupakan contoh mutakhir terhadap sikap acuh tak acuh mereka mengenai keadaan hidup pekerja-pekerja mereka. Sementara banyak estet tidak pun mengambil berat terhadap Akta itu, yang lain pula meminta agar dikurangkan lagi tahap yang dikenakan oleh Akta tersebut termasuk tahap mengenai sistem jalan raya dan tandas.
 - (iv) Kerajaan-kerajaan negeri tidak begitu menyokong rancangan-rancangan untuk membantu pekerja-pekerja estet memiliki rumah. Pihak-pihak berkuasa tanah peringkat negeri lambat memproses permohonan untuk mendapatkan lot-lot rumah kalaupun mereka memproses permohonan-permohonan itu.
- Hanya kerajaan Selangor mengambil berat dengan melaksanakan rancangan itu memperuntukan tanah untuk perumahan pekerja-pekerja dalam kira-kira 30 buah estet. Negeri-negeri lain seperti Kedah, Perlis, Negeri Sembilan dan Johor hanya meluluskan tanah perumahan dalam sebuah estet di negeri masing-masing.
- (v) Pekerja-pekerja sendiri tidak pernah berada dalam satu kedudukan dimana mereka boleh tawar menawar. Kerana tidak berpelajaran dan tidak merupakan buruh mahir, mereka tidak mempunyai banyak pilihan pekerjaan. Dengan mempunyai keluarga besar, amatlah sukar untuk mereka meninggalkan pekerjaan mereka di estet.
 - (vi) Kemasukan secara besar-besaran akan pendatang luar sama ada secara haram atau sebaliknya dari negara-negara jiran yang sanggup berkerja dengan gaji yang lebih murah, telah menyebabkan pekerja-pekerja estet lebih mudah dikesampingkan dan disingkirkan. Kebanyakan majikan lebih

suka mengambil orang-orang pendatang kerana mereka boleh diberi gaji amat murah dan sanggup pula tinggal dalam keadaan-keadaan yang "substandard".

- (vii) Anak-anak dari pekerja estet kurang mendapat bimbingan ibubapa dan guru-guru mereka. mereka biasanya lulus persekolahan mereka tanpa mempunyai persiapan apa-apa kecuali membuat kerja buruh. Dengan itu mereka merupakan sumber pembekalan tenaga buruh yang murah yang sentiasa mudah digunakan oleh estet-estet.
- (viii) Tidak ada sistem pertolongan atau bantuan yang ditubuhkan untuk menolong pekerja-pekerja estet melalui sesuatu perniagaan sampingan atau menolong mereka mendidik anak-anak mereka. Dengan pendapatan yang hanya cukup hidup, pekerja-pekerja estet tidak dapat merancang untuk masa depan mereka tanpa bantuan.
- (ix) Kerana bertahun-tahun lamanya hidup dalam keadaan serba daif, ditindas dan miskin, maka tertanam dalam pekerja-pekerja itu jiwa menyerah kepada takdir dan tidak lagi mempunyai semangat untuk mengubah nasib mereka.

B-III BENTUK DAN RUPA KEMISKINAN KAUM INDIA: CIRI-CIRI PERSAMAAN

- 53. Pekerja-pekerja estet sebagaimana juga golongan miskin dari keturunan India menghadapi banyak halangan dan rintangan untuk mencapai kemajuan - termasuklah buta huruf dan peluang-peluang yang terbatas untuk pelajaran anak-anak mereka.
- 54. Keluarga yang besar merupakan satu lagi ciri yang sama dikalangan golongan miskin. Dengan begitu ramai anak yang harus ditanggung, pekerja-pekerja estet dan golongan-golongan lain yang berpendapatan rendah tidak dapat menyimpan wang atau kalau pun mampu berjimat, sedikit sekali yang dapat dijimatkan, sedangkan wang simpanan perlu untuk membuat satu-satu usaha perniagaan walau kecil sekali pun.
- 55. Pekerja-pekerja miskin dalam berbagai sektor mempunyai pemikiran yang sama terhadap kedudukan mereka. Kerana asal usul mereka adalah miskin dan daif, mereka tidak tahu melakukan sesuatu pekerjaan lain dari apa yang mereka kerjakan dan mudah merasa puas hati dengan apa yang menjadi rezeki mereka.
- 56. Pekerja-pekerja estet berbeda dari orang-orang India yang daif dari segi tahap kedaifan, kejahilan dan dalam kedudukan mereka yang tidak terdaya menukar pekerjaan mereka. Kerana hidup jauh dari pekan dan bandar, pekerja-pekerja estet terus bekerja dan hidup dalam keadaan primitif. Mereka tidak terdedah kepada pengaruh luar, mudah diugut dan diancam dan tidak pernah terlintas dalam fikiran mereka untuk menukar kerja mereka.
- 57. Walaupun orang-orang keturunan India yang miskin menghadapi masalah-masalah yang sama, masalah-masalah itu mengambil bentuk yang lebih kompleks dan rumit di estet-estet. Umpamanya, sementara wang menjadi masalah besar bagi golongan miskin yang tinggal di luar bandar untuk mendidik anak-anak, pekerja-pekerja estet terpaksa pula menghadapi masalah kekurangan kemudahan hidup dan mutu pendidikan yang rendah untuk anak-anak mereka.

58. Golongan orang-orang India bergaji rendah di kawasan-kawasan pekan dan bandar terutama mereka yang berkerja dengan Kerajaan dan dengan syarikat-syarikat jarang sekali terpaksa menghadapi penganiayaan terhadap hak-hak pekerja. Tatapi kerana estet-estet terletak jauh dari pandangan mata umum, maka si "Tuan" merasa bebas untuk memberi layanan hidup yang sangat buruk kepada pekerja-pekerja mereka.
59. Dalam mencari penyelesaian kepada masalah-masalah golongan daif kaum India, kita harus melihat kepada ciri-ciri persamaan di antara berbagai kelompok serta ciri-ciri yang khusus pula. Dengan cara demikian, kita dapat mengusahakan dua jenis langkah: satu untuk seluruh golongan miskin dan satu lagi untuk kelompok-kelompok yang khusus.

C BERGERAK MENUJU KE ARUS PEMBANGUNAN

C-I PROGRAM TINDAKAN: MATLAMAT DAN OBJEKTIIF.

60. Sebarang rancangan untuk menolong masyarakat India harus tidak sahaja bersifat menyeluruh tetapi juga praktikal. Sementara rancangan itu harus luhur namun ia harus mempunyai tujuan yang boleh mencapai dan memenuhi matlamat-matlamatnya. Selain dari tujuan-tujuan yang lebih besar, maka pelu sekali digariskan tujuan-tujuan yang boleh segera dipenuhi.
61. TUJUAN KESELURUHANNYA ialah untuk kaum India Malaysia mencapai taraf sebagai rakan kongsi di dalam sebuah negara yang bersatu padu, progresif dan demokratik berlandaskan nilai-nilai agama dan moral yang kukuh serta menjunjung cita-cita kemanusiaan dan persaudaraan yang tinggi.
62. Bahagian paling penting sekali dari cita-cita ialah pembasmi kemiskinan - tidak sahaja dalam bentuknya yang mutlak - dan peningkatan tahap hidup minima sesuai dengan masyarakat yang maju, adil dan penyayang.
63. Memperbaiki tahap ekonomi kaum India yang tertinggal di belakang kaum Melayu dan Cina adalah mustahak untuk mencapai cita-cita ini. Kewujudan sebuah masyarakat Malaysia yang "jiwanya bebas, terjamin dan maju" - yang disebutkan oleh Pendana Menteri sebagai satu dari "cabaran strategik" dari Wawasan 2020 - harus disertai dengan usaha menolong golongan yang tertinggal kebelakang dalam masyarakat kita.
64. Usaha-usaha besar-besaran yang memerlukan tekad politik dan sokongan wang dari kerajaan tidak boleh ditunda lebih lama lagi untuk menghindarkan sebahagian besar kaum India dari terjerumus lebih dalam lagi dalam kemiskinan. Bagi pihak kaum India pula, mereka mestilah berusaha sedaya upaya mungkin untuk menolong diri mereka sendiri. Golongan kaya yang kecil hendaklah memberikan lebih banyak masa mereka, usaha mereka dan wang mereka demi menolong golongan miskin yang lebih ramai itu. Dan golongan miskin pula harus menyambut rancangan-rancangan yang memerlukan mereka menguasai kemahiran-kemahiran baharu dan berjimat lebih banyak lagi.
65. SATU LAGI TUJUAN ialah untuk memajukan masyarakat India, sebagiannya ialah dengan merobohkan sekatan-sekatan ekonomi. Tujuan ini seperti tujuan

pertama tadi, mempunyai kaitan dengan tujuan-tujuan yang lebih penting, iaitu menolong kelompok-kelompok yang daif agar memperbaiki kehidupan mereka.

66. TUJUAN TERDEKAT dari rancangan itu sebenarnya ialah usaha-usaha yang perlu diselenggarakan demi mencapai tujuan-tujuan yang lebih besar.
- (i) Golongan kaum India yang termiskin sekali hendaklah diberikan keadaan-keadaan hidup dan keadaan-keadaan berkerja yang lebih baik, serta dilengkapkan dengan ilmu agar mereka dapat meningkatkan pendapatan mereka dan mampu bergerak dari satu pekerjaan yang lain.
 - (ii) Golongan pekerja kaum India harus terdiri dari pekerja-pekerja yang mahir, mempunyai kepakaran serba macam dan tekun kepada bidang kerja mereka.
 - (iii) Golongan menengah India harus diperluaskan dengan tambahan dari lebih ramai orang yang berasal dari keluarga miskin tetapi yang berjaya mencapai kemajuan hidup dalam masyarakat.
 - (iv) Golongan professional kaum India harus diperbesarkan. Ia harus terdiri tidak sahaja dari para doktor dan peguam tetapi juga dari orang-orang pelbagai pekerjaan lain dan bidang-bidang pengkhususan.
 - (v) Masyarakat usahawan India harus diberikan asas yang lebih kukuh dan lebih luas dan membabitkan diri mereka dalam pelbagai kegiatan termasuklah bidang-bidang usaha yang memerlukan teknologi tinggi.
 - (vi) Peruntukan kaum India dalam sektor korporat harus di pertingkatkan hingga ke satu tahap yang mencerminkan secara saksama bahagian 10 peratus jumlah penduduk India negara ini.

C-II STRATEGI: JANGKA PENDEK DAN JANGKA PANJANG

67. Jelas rancangan-rancangan dari pelbagai jenis adalah diperlukan untuk menolong golongan-golongan yang daif dari kaum India dan untuk membantu masyarakat itu seluruhnya agar dapat berdiri berganding bahu dengan kaum-kaum lain.
68. Kerana beberapa masalah perlu diselesaikan segera sementara mencari penyelesaian yang lebih berkekalan maka kedua langkah jangka pendek dan jangka panjang adalah dikehendaki. Di mana sesuai dan mungkin, langkah-langkah itu hendaklah di rancangkan dan dilaksanakan bersama.
69. Untuk mengatasi masalah-masalah besar yang dihadapi oleh kaum India dan untuk membawa perubahan-perubahan lain bagi kemajuan kaum tersebut maka rancangan-rancangan dari empat jenis itu perlu dilaksanakan, dengan kelompok-kelompok tertentu mendapat manfaat dari lebih daripada satu jenis rancangan itu.
- (i) Satu bentuk rancangan ialah untuk memberikan pertolongan, meningkatkan pendapatan dan menggalakan jimat cermat menyimpan wang.
 - (ii) Satu lagi rancangan ialah untuk meningkatkan bakat dan nilai ekonomi orang-orang keturunan India di kalangan pekerja dan mereka yang bermaksud atau yang telahpun terbabit dalam perniagaan kecil-kecilan.

- Rancangan ini perlu membabitkan juga orang-orang India yang menjadi pekerja mahir dan separuh mahir yang berkerja sendiri seperti tukang gunting, mekanik, tukang letrik dan tukang kayu.
- (iii) Beberapa rancangan tertentu perlu dilaksanakan untuk menyokong usaha-usaha perniagaan yang lebih besar dan menolong syarikat-syarikat kaum India mengatasi masalah-masalah pengaliran wang mereka.
- (iv) Akhir sekali tetapi rancangan yang lebih penting dalam jangka panjang ialah mempersiapkan kaum India terutama sekali jenerasi muda untuk mengambil peranan yang lebih mencabar dalam masyarakat masa depan.
70. Pendidikan, termasuk latihan, adalah paling penting dalam strategi untuk meningkatkan nilai ekonomi dan pendapatan kaum India selain menghadapi cabaran sebuah masyarakat yang kian berubah.
71. Latihan adalah dua jenis: satu jenis adalah untuk mereka yang mempunyai pendidikan yang agak baik dan satu lagi untuk golongan yang kurang berpendidikan. Sementara golongan pertama memerlukan latihan untuk mendapatkan kepakaran agar mudah mencari pekerjaan di tahap lebih tinggi maka golongan kedua perlu mendapat latihan yang menekankan kepandaian dan kepakaran yang praktikal iaitu, untuk memudahkan mereka menambahkan pendapatan.
72. Pelaksanaan kebanyakan rancangan-rancangan ini akan membabitkan usaha mengadakan tabung-tabung kewangan dan sekurang-kurangnya sebahagian dari biaya itu harus didapati dari golongan yang merupakan matlamat-matlamat rancangan itu.

C -III RANCANGAN-RANCANGAN UNTUK PARA PEKERJA: MENGURANGI BURUH MURAH

73. Satu amalan yang mungkin berlaku akibat dari pembangunan industri ialah sektor luar bandar akan menjadi lebih sempit termasuk estet-estet. Keadaan ini akan menyebabkan pekerja-pekerja estet berpindah-pindah dari estet-estet mereka melainkan jumlah mereka dikurangi lebih awal.
74. Empat rancangan atau skim harus dilaksanakan untuk pekerja-pekerja itu dan keluarga mereka, dua daripada rancangan atau skim itu disusun berdasarkan jangkaan bahawa sektor luar bandar akan menjadi kecil kelak.
- (i) Rancangan atau skim untuk mamperbaiki keadaan-keadaan di estet-estet akan membabitkan usaha pengkajian, penyelidikan dan pengawasan. Estet-estet harus dilawati untuk memastikan sama ada estet-estet itu menempati kehendak-kehendak kerja dan kehidupan pekerja.
- Kajian harus dijalankan dalam hal seperti biaya dan belanja untuk menyediakan keadaan-keadaan yang selesa disamping menyelidik juga kedudukan kewangan estet-estet itu. Hasil dari kajian ini akan digunakan sebagai bahan dan maklumat untuk memperjuangkan agar nasib pekerja-pekerja itu di bela dan tahap hidup mereka di pertingkatkan lagi.

- (ii) Rancangan untuk mengurangi kelak jumlah pekerja-pekerja estet sebanyak kira-kira 50 peratus sekurang-kurangnya akan juga dilaksanakan untuk pekerja-pekerja bidang lain. Ia melibatkan latihan untuk pekerja-pekerja itu mendapat pelbagai kepakaran dan kemahiran agar memudahkan mereka mendapat pekerjaan sepenuhnya atau melakukan perniagaan sampingan. Latihan itu tidak berupa akademik.
- (iii) Rancangan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja lelaki dan wanita India yang berpendapatan rendah membabitkan latihan yang lebih tinggi. Para peserta rancangan itu ialah pekerja-pekerja yang separuh mahir dan pekerja-pekerja mahir seperti mekanik, juru letrik, tukang kayu, tukang batu (masom) dan tukang gunting. Pekerja-pekerja estet dan buruh kasar yang lain yang telah menjalani khusus-khusus yang lebih mudah dan telah pun mempergunakan kepandaian yang baharu mereka dapat itu boleh juga mendaftar diri untuk menyertai latihan yang lebih tinggi itu.

Latihan itu ialah untuk menolong mereka mencapai kemajuan dalam bidang kerja masing-masing. Umpamanya, seorang tukang kayu boleh meningkatkan nilainya dengan menjadi tukang perabut yang cekap. Seorang tukang gunting boleh menjadi penandan rambut.

Pekerja wanita boleh dilatih untuk mencapai kemahiran mengendalikan pusat-pusat "day-care" atau mengurus kedai dobi. Mereka juga boleh mempelajari kemahiran menjadi tukang jahit baju dan kerja-kerja lain iaitu kerja-kerja yang kemahirannya secara dasar telah pun mereka kuasai.

- (iv) Rancangan untuk menggalakan pekerja-pekerja menyimpan wang bukan sahaja akan memastikan pekerja-pekerja itu nanti mempunyai tabung wang yang mencukupi pada masa tua mereka. Ia juga ialah untuk menolong mereka mengumpul modal untuk membiayai usaha-usaha perniagaan secara kecil-kecilan.

Rancangan itu akan membabitkan usaha menuju tabung-tabung wang modal. Pekerja-pekerja itu sendiri berperanan sebagai penyumbang kepada tabung itu. Tabung-tabung akan ditubuhkan dengan bantuan wang dari kerajaan atau parti atau kedua-dua sekali dan dengan sumbangan dari orang-orang India yang mempunyai pendapatan tinggi. Wang itu boleh disimpan sebagai deposit tetap dalam bank untuk mendapatkan kadar faedahnya. Pinjaman boleh diberi kepada pekerja-pekerja dengan faedah yang berpatutan - tetapi pinjaman ini harus dibuat dengan maksud umpamanya, untuk memulakan perniagaan ataupun untuk pendidikan anak-anak mereka.

C-IV ASAS KORPORAT KAUM INDIA: KECIL DAN LEMAH

75. Untuk menjadi rakan kongsi yang penuh dalam pembangunan ekonomi, kaum India memerlukan tapak dalam bidang perniagaan dan industri.
76. Syarikat-syarikat yang menjadi milik orang-orang India pada masa ini boleh menjadi asas untuk mengembangkan satu masyarakat perniagaan yang lebih besar dan lebih kukuh. Tetapi ini hanya mungkin setelah beberapa kekurangan dan kelemahan tertentu telah diatasi.

77. Kebanyakan syarikat kaum India menghadapi masalah pengaliran wang atau cash flow dan masalah ini menghalang mereka menjalankan usaha-usaha perniagaan yang besar. Bank-bank perniagaan keberatan di masa lalu untuk memberi mereka pinjaman. Akibatnya, mereka terus wujud di pinggir-pinggir dunia perniagaan. Mereka tidak mampu ataupun mengadakan asas untuk melatih dan menyerapkan usahawan-usahawan yang bercita-cita tinggi.
78. Langkah-langkah untuk meningkatkan lagi peruntukan kaum India dalam bidang perniagaan dan industri harus mengabungkan langkah-langkah untuk membantu syarikat-syarikat seperti ini dan membabitkan lebih ramai anggota masyarakat India dalam peringkat tinggi sektor ini.
- (i) Sebuah pertubuhan tenaga modal untuk perniagaan dan Industri atau "venture capital resource organization" harus ditubuhkan. Pertubuhan ini akan beroperasi sebagai tabung modal pusingan dengan syarat-syarat bayar semula yang berpatutan tetapi dilaksana dengan tegas.
 - (ii) Sebuah pusat perniagaan data akan didirikan untuk memberikan maklumat kepada syarikat-syarikat India mengenai peluang-peluang yang terbuka kepada mereka dan untuk memudahkan mengadakan usahasama-usahasama dengan kaum-kaum lain dan juga dengan usahawan-usahawan asing.
 - (iii) Sebuah syarikat pelaburan akan didirikan untuk membeli saham-saham dan menjual saham-saham itu dalam jumlah unit yang kecil kepada orang-orang perseorangan dan juga kepada kelompok-kelompok. Ini akan berbeda dari Maika Holdings yang akan membeli unit-unit saham yang lebih besar sebagai pelaburan tetap untuk kaum India (Saham-saham yang akan dibeli ialah saham-saham dari syarikat-syarikat yang lebih besar dan agensi-agensi kerajaan yang diswastakan).

C-V PENDIDIKAN: ILMU SEBAGAI KATALIST

79. Skim-skim ini secara keseluruhannya dimaksudkan membawa perubahan-perubahan struktur yang diperlukan agar masyarakat India menjadi rakan kongsi yang setanding dalam pembangunan negara.
80. Alat terpenting dalam usaha-usaha jangka panjang untuk mengubah masyarakat ialah pendidikan - dan kekurangan pendidikan inilah yang menjadi halangan terbesar sekali kepada sebilangan besar kaum India.
81. Pengajian akademik akan diwujudkan sebagai satu tradisi kaum India. Dan ini harus dimulakan dengan meletakkan *asas kukuh untuk pendidikan rendah*.
82. Sebelum memperincikan langkah-langkah demi mencapai tujuan ini, maka satu tinjauan singkat perlu dibuat terhadap sejarah pendidikan Tamil dalam negara ini. Dan untuk itu kita terpaksa merujuk kepada kehidupan di estet.
83. Pendidikan untuk anak-anak buruh India di estet-estet telah menjadi satu masalah sejak zaman kolonial. Kerana estet-estet telah mendirikan sekolah-sekolah untuk anak-anak kaum pekerja diladang-ladang mereka sendiri.

84. Kira-kira 90 peratus dari sekolah-sekolah itu kekurangan guru terlatih dan kemudahan-kemudahan yang sempurna. Bangunan-bangunan sekolah telah usang dan keadaan kebersihan amat menyedihkan. Tidak ada padang untuk murid-murid bermain dan tidak ada kemudahan untuk kesihatan. Sekolah-sekolah itu sebenarnya didirikan bukan dengan niat jujur untuk mendidik anak-anak kaum pekerja itu tetapi ialah untuk menghindarkan supaya pekerja-pekerja itu tidak meninggalkan estet-estet itu.
85. Guru-guru dibayar oleh kerajaan. Kelayakan maksimum guru-guru dan guru-guru besar ialah perperiksaan persediaan yang dimasuki oleh mereka setelah mereka berjaya menyempurnakan pengajian Darjah VII.
86. Sekolah-sekolah estet melalui beberapa perubahan setelah merdeka seperti yang disarankan oleh Penyata Pelajaran Razak yang diluluskan dalam tahun 1956. Sekolah-sekolah rendah Tamil dan Cina diubah menjadi sekolah jenis kebangsaan dan dibiayai oleh kerajaan. Kelayakan untuk guru-guru sekolah Tamil telah ditinggikan hingga ke tahap SC/MCE/SPM.
87. Sekolah-sekolah Tamil milik estet-estet dan terletak dalam kawasan estet menerima Bantuan Modal atau bantuan kerajaan. Ini bermakna kerajaan membayar gaji guru-guru seperti zaman Kolonial. Bangunan dan kemudahan terletak dibawah kelolaan pengurusan estet.
88. Lembaga sebuah sekolah seumpama itu terdiri dari wakil-wakil persatuan ibu bapa dan penduduk-penduduk terkemuka kawasan berkenaan. Guru besar bertindak sebagai setiausaha.
89. Satu langkah yang harus dijalankan oleh kerajaan ialah mengabungkan tenaga sejumlah sekolah-sekolah. Sekolah-sekolah kecil digabungkan dengan sekolah-sekolah yang lebih besar untuk memastikan sekolah-sekolah itu mempunyai jumlah guru dan kemudahan yang cukup. Ini akan menghindarkan keadaan dimana guru-guru terpaksa mengajar tiga atau empat darjah sekali disebabkan kekurangan kakitangan.

Dengan gabungan ini, jumlah sekolah-sekolah akan berkurangan dari kira-kira 1,000 buah kepada 700 buah. Sementara tindakan kerajaan telah membawa perubahan struktur, tahap pendidikan di sekolah-sekolah tidak banyak mengalami perubahan.

90. Dalam tahun-tahun kamudiannya jumlah sekolah-sekolah Tamil terus berkurangan kepada 550 buah yang mana hanya 20 peratus yang mendapat bantuan penuh kerajaan. Ini telah menimbulkan rugutan dalam masyarakat India yang bimbang sekolah-sekolah Tamil pada suatu hari kelak tidak wujud sama sekali.
91. Peruntukan-peruntukan untuk pendidikan rendah Tamil amat sedikit sekali. Kementerian pendidikan tidak bersedia mengubah sekolah-sekolah yang mendapat bantuan penuh kerajaan.
92. Rayuan-rayuan dari kepimpinan MIC kepada Pendana Menteri telah memberikan hasil-hasil yang lebih memuaskan. Semenjak pertengahan tahun 1980an, Pendana Menteri telah menegaskan pentingnya sekolah-sekolah Tamil dimajukan dan dipulihkan. Lebih dari RM3.5 juta telah diperuntukan memulihkan sekolah-sekolah

Tamil yang MIC harapkan akan berupa titik permulaan untuk kerajaan memberikan lebih banyak pertolongan kepada sekolah-sekolah Tamil di masa hadapan.

93. Dengan jumlah murid di sekolah-sekolah Tamil yang semakin bertambah dalam masa lima tahun yang lalu, adalah penting sekali untuk membaiki pendidikan rendah sekolah-sekolah Tamil harus dimajukan agar dapat memberikan sumbangan sebagai pendidik awal anak-anak kaum pekerja yang daif di estet-estet.
94. Tiga langkah harus dijalankan oleh kerajaan sebagai satu usaha yang perlu disegerakan demi membaiki kerosakan yang telah berlaku akibat kecuaian yang telah berpanjangan bertahun-tahun lamanya.
 - (i) Kerajaan hendaklah mengubah sekolah-sekolah Tamil yang mendapat separuh bantuan kerajaan kepada sekolah-sekolah yang mendapat bantuan penuh kerajaan. Ini akan dilakukan dengan kerajaan mengambil tanah yang menjadi tapak sekolah-sekolah itu di estet-estet.
 - (ii) Kerajaan harus memberikan peruntukan wang yang secukupnya untuk memulihkan sekolah-sekolah yang usang dan melengkapannya dengan perabot yang sempurna serta kemudahan-kemudahan untuk belajar dan untuk kegiatan-kegiatan di luar darjah.
 - (iii) Kerajaan harus menyediakan guru-guru bahasa yang dilatih khas dengan secukupnya untuk memberi pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Kepandaian dalam kedua-dua bahasa ini mustahak jika murid-murid itu hendak meningkat ke sekolah-sekolah menengah tanpa menghadapi apa-apa kesulitan besar.
95. Langkah-langkah ini tidaklah termasuk skim-skim meningkatkan tahap pendidikan kaum India dan memperluaskan bidang keilmuan dan kemahiran mereka.
96. Skim-skim itu ialah untuk menolong jenerasi muda kaum India dalam pendidikan peringkat rendah, peringkat menengah dan peringkat tinggi mereka. Pertolongan yang diberikan kepada mereka tidak sekadar pertolongan kewangan sahaja.
97. Untuk kanak-kanak di sekolah rendah dan menengah, tekanan akan diberikan kepada kaedah-kaedah memberikan bimbingan kepada mereka untuk belajar dan kewujudan satu suasana yang boleh menolong mereka belajar.
 - (i) Pusat-pusat tuisyen hendaklah dibuka ditempat-tempat yang strategik, tiap sebuah pusat melayan kanak-kanak dari lima atau enam estet pusat-pusat itu akan mengajar murid-murid sekolah rendah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris serta Sains dan Matematik, dengan menekankan betapa pentingnya kemahiran teknikal dan berhubungan satu sama lain dalam kedua-dua bahasa itu. Pergangkutan harus disediakan untuk membawa murid-murid itu ke pusat tuisyen itu, dimana mereka akan belajar selama dua atau tiga jam setiap hari selepas belajar disekolah. Mereka akan diberikan minuman teh atau makanan tengahari.
 - (ii) Asrama-asrama akan dilengkapi dengan khutub-khanah didirikan khas untuk anak-anak dari keluarga-keluarga miskin. Guru-guru akan diambil berkhidmat untuk menolong pelajaran mereka. Pertolongan sukarelawan-

sukarelawan dari siswazah-siswazah kaum India sendiri juga akan diikhtiaran.

- (iii) Sementara pertolongan akan disedikan untuk sebanyak murid yang mungkin, perhatian khas akan diberikan kepada pelajar-pelajar yang mencapai prestasi cemerlang dalam SPM dan STPM terutama sekali mereka yang mempunyai markah tinggi dalam mata pelajaran Sains.
98. Sebelum mengkaji rancangan-rancangan untuk menolong pelajar-pelajar India dalam pendidikan peringkat tinggi, kita harus melihat kadar pengambilan pelajar-pelajar India untuk maktab dan universiti serta khusus-khusus yang diikuti mereka pada masa sekarang.
99. Semenjak merdeka, pengambilan pelajar-pelajar India untuk fakulti-fakulti sains dan teknikal di universiti-universiti Malaysia beransur-ansur berkurangan. Jumlah mereka yang mengikuti khusus-khusus professional kecuali undang-undang telah merosot. Sebahagian besar dari mereka ditempatkan di aliran sastera.
100. Kurangnya jumlah pelajar-pelajar kaum India dalam fakulti-fakulti perubatan dalam universiti-universiti tempatan adalah menjadi contoh. Universiti Kebangsaan Malaysia pada mulanya mengambil lebih dari 180 pelajar-pelajar perubatan dalam tahun 1990 tetapi dalam jumlah itu hanya seorang pelajar India sahaja yang diterima. Jumlah itu ditambah setelah MIC menimbulkan perkara itu dalam kabinet. Universiti Malaya memperuntukan 17 tempat kepada pelajar-pelajar India pada tahun yang sama. Semuanya, setelah diperbahaskan dengan panjang lebar diperingkat kabinet, maka sebanyak 29 tempat telah diperuntukan kepada pelajar-pelajar India dalam ketiga-tiga fakulti perubatan negara ini. (fakulti ketiga ialah Universiti Sains Malaysia)
101. Langkah-langkah harus diambil untuk mendapatkan lebih banyak tempat bagi pelajar-pelajar India di peringkat pengajian tinggi dan untuk membiayai pembelajaran mereka.
- (i) Alasan-alasan yang kuat akan dikemukakan untuk meningkatkan jumlah tempat yang di peruntukan kepada pelajar-pelajar India di peringkat universiti terutamanya dalam aliran sains. Umpamanya, data akan diberikan untuk menunjukkan mengapa jumlah pelajar-pelajar India dalam fakulti-fakulti perubatan di universiti-universiti negara ini tidak harus dikurangkan atas dasar bahawa negara ini telah pun mempunyai ramai doktor dari kaum India (Kebanyakan doktor-doktor ini telah berusia lanjut dan akan bersara tidak lama lagi. Kebanyakan doktor-doktor dari generasi muda dibiayai oleh kaum keluarga mereka untuk melanjutkan pelajaran mereka sendiri, sedangkan golongan daif dari kaum India tidak mampu membiayai pelajaran anak-anak mereka diperingkat tinggi. Tanpa pertolongan, kedaifan mereka akan diwarisi oleh generasi-generasi yang mengambil tempat mereka dan yang demikian mengekalkan kedudukan 'status quo' dalam masyarakat India).
 - (ii) Kolej TAFE dan Vanto Acedemy akan meningkatkan mutu pelajaran mereka dan menambah jenis khusus-khusus mereka terutama dalam pelajaran teknikal.

- (iii) TAFE kolej akan menjalankan program kembar dengan universiti-universiti luar negeri yang diiktiraf dalam disiplin-disiplin yang sangat dihargai nilainya dinegara ini.
- (iv) Vanto Acedemy juga akan menawarkan kursus-kursus perniagaan diperingkat diploma, untuk dijalankan bersama-sama institusi-institusi pengajian tinggi luar negeri yang berwibawa.
- (v) Tabung Pelajaran Tinggi kaum India Malaysia berjumlah RM100 juta akan ditubuhkan. Dibentuk mengikut contoh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), ia akan beroperasi sebagai sebuah lembaga amanah.

Wang deposit dari penyumbang adalah berupa wang simpanan yang akan diberikan faedah. Penyumbang-penyumbang yang anak-anak mereka mendapat perbelanjaan itu dari wang simpanan mereka. Mereka yang tidak mendapat bantuan wang untuk pendidikan anak-anak mereka akan menerima balik wang simpanan mereka yang terkumpul ditambah wang faedah pada akhir waktu yang ditentukan. Pendidikan anak-anak dari penyumbang-penyumbang tabung itu juga akan dibiayai dari hasil pelaburan yang dilakukan oleh tabung itu.

C-VI SATU MASYARAKAT PENYAYANG: UNTUK MEREKA YANG KURANG BERNASIB BAIK.

- 102. Dengan negara yang kian berkembang maju, kita terpaksa berwaspada bahawa kita tidak terabit dalam kegilaan mengejar kekayaan kebendaan dan tidak peka kepada nasib mereka yang tinggal dibelakang dan selalunya dan kesalahan atau kesilapan mereka sendiri.
- 103. Kaum India mempunyai ramai dikalangan mereka yang menjadi mangsa nasib, keadaan dan kekejaman manusia. Mereka ini termasuklah orang-orang yang cacat anggotanya, yatim piatu, para isteri yang ditinggalkan suami dan juga setinggan.
 - (i) Sebuah jawatankuasa akan dibentuk untuk mengelolakan kebajikan mereka yang cacat anggota. Mereka akan dibantu untuk mendapat latihan kerja untuk diserapkan ditengah-tengah masyarakat.
 - (ii) Satu jabatan atau bahagian wanita dan pemuda akan ditubuhkan untuk menyelidik antara lain kes-kes anak yatim yang berkerja sebagai pekerja budak bawah umur (Child Labour) di kedai-kedai kopitiam dan dengan keluarga-keluarga kelas menengah. Kes-kes seperti itu harus diadukan kepada pihak berkuasa. Anak-anak yatim akan ditempatkan dirumah-rumah kebajikan atau diletakkan dibawah jagaan keluarga-keluarga yang bertanggungjawab. Mereka akan diberi pertolongan untuk mendapatkan pendidikan yang baik.
 - (iii) Sebuah badan yang berkerja rapat dengan Jabatan Kebajikan dan pertubuhan-pertubuhan kebajikan wanita akan menjaga nasib isteri-isteri yang ditinggalkan suami. Wanita-wanita ini biasanya mempunyai tiga atau empat orang anak dan telah dianiyai oleh suami-suami mereka yang pemabuk. Bila mereka ditinggalkan oleh suami-suami mereka, mereka biasanya tinggal terbiar tanpa wang dan tanpa punca rezeki mereka. Badan

tersebut yang dari angkatan wanita MIC akan menolong mencari pekerjaan untuk wanita-wanita itu sambil memohon bantuan daripada kerajaan dan institusi-institusi swasta. Di mana mungkin, badan itu akan memberikan latihan dan mendapatkan lesen untuk para isteri malang itu memulakan perniagaan secara kecil. Sementara para suami wanita-wanita malang itu hendaklah dicari dan dikesan agar mereka dituntut memberikan gantirugi pada isteri-isteri yang ditinggalkan mereka. Suami-suami itu juga akan dicegah agar tidak menimpa kesengsaraan ke atas wanita-wanita lain. Satu kempen untuk memberi ingatan kepada kaum wanita agar berjaga-jaga dan waspada terhadap lelaki seumpama itu akan dilancarkan di samping kempen untuk mencegah penganiayaan dan kekejaman ke atas kaum wanita dan kanak-kanak.

- (iv) Para setinggan - mereka yang miskin dan bukan mereka yang tinggal di tanah kerajaan atau di tanah milik orang lain untuk menjimatkan wang - akan diberikan pertolongan membeli rumah-rumah murah yang dibina oleh kerajaan-kerajaan negeri. Perhatian khas akan diberikan kepada setinggan-setinggan yang kehilangan rumah dan harta benda mereka dalam kebakaran atau banjir.
104. Di mana mungkin, mereka yang kurang bernasib baik akan diberikan pertolongan di bawah skim-skim untuk para pekerja dan untuk kelompok yang berpendapatan rendah.

C - VII MELAKSANA PROGRAM

105. Ini bukanlah pertama kali satu rancangan menyeluruh disusun oleh MIC demi memperbaiki kesejahteraan hidup kaum India. Dalam tahun 1974 sebagai menyambut Dasar Ekonomi Baru, MIC telah menyusun rancangan untuk memajukan kaum India.
106. Beberapa kesimpulan dan perakuan dalam rancangan MIC itu masih sah dan benar - menunjukkan bahawa pertolongan kerajaan adalah diperlukan untuk membawa perubahan yang kekal.
107. Sementara terus berusaha mendapatkan sokongan kerajaan, MIC kini akan mencipta, melaksanakan dan menyelenggarakan jentera untuk rancangan tindakannya.
108. Skim-skim akan disusun secara terperinci agar akan jelas di mana pertolongan kerajaan diperlukan dan bagaimana ia harus disalurkan dan apakah pula yang perlu dilakukan oleh MIC dan masyarakat India.
109. Untuk menyusun persiapan bagi melaksanakan program itu, MIC akan menubuhkan sebuah sekretariat yang diasaskan seakan-akan gagasan bilik operasi yang dijalankan dengan berjaya sekali oleh Allaryarham Tun Abdul Razak dahulu.
110. Sekretariat itu akan ditempatkan di seluruh aras bangunan MIC dan akan mengandungi tiga kelompok.
- (i) Sebuah "think tank" atau badan pemikir terdiri pakar-pakar kaum India dari pelbagai bidang pengkhususan akan dibentuk. Ia akan menyusun butir-butir tiap-tiap skim untuk masyarakat - antara lain bagaimana skim-skim itu akan

dilancarkan, dilaksanakan dan diselenggarakan, dan bagaimana tabung-tabung wang harus ditubuhkan, dikawal dan disalurkan. Ia juga akan mengatur kaedah mengikut dan mengasas kemajuan dan perkembangan skim-skim itu yang akan dicatatkan di papan besar lengkap dengan peta, carta dan pin-pin untuk menunjukkan bagaimana tiap-tiap skim sedang berkembang dan bergerak pada satu-satu waktu. "Think tank" itu akan juga membuat kertas kerja untuk mendapatkan bantuan bagi dirujuk oleh MIC kepada kerajaan. Tiap kertas kerja hendaklah lengkap dengan segala fakta dan butir yang diperlukan mengenai bentuk pertolongan yang dikehendaki dan bagaimana bantuan itu akan dipergunakan.

- (ii) Sebuah kumpulan kerja terdiri dari siswazah dan sebaliknya mereka yang mempunyai latar pengetahuan dalam sosiologi dan perniagaan ataupun Pentadbiran Awam, akan membantu "Think tank" itu. Ia akan memberikan bahan-bahan yang diperlukan untuk merumuskan skim-skim itu dan untuk merencanakan usaha-usaha lain. Ini bererti kajian harus dijalankan di estet-estet dan di tempat-tempat lain di mana didapati kelompok-kelompok yang menjadi matlamat kajian itu. Para anggota kumpulan itu akan menjadi kakitangan tetap sekretariat dan akan mengawas dan mengesan kemajuan skim-skim itu serta mengemaskini fakta dan maklumat di papan bilik operasi di bawah arahan "think tank" atau lembaga pemikir.
 - (iii) Sekretariat itu akan mempunyai satu lagi kumpulan terdiri dari wakil-wakil cawangan-cawangan MIC di peringkat negeri yang terbabit menjalankan skim-skim itu di tengah-tengah masyarakat serta para pegawai biro-biro parti.
111. Keanggotaan sekretariat itu serta kaedah operasinya dimaksudkan memastikan pihak perancang dan pihak pelaksana akan terus saling berhubungan selain memastikan juga tindakan segera diambil untuk membaiki atau mengatasi satu-satu keadaan.

C-VIII BERSIAP SEDIA MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB: PENTINGNYA DEDIKASI

112. Program tindakan menuntut kebulatan komitmen dari 350,000 anggota MIC yang akan dipertanggungjawabkan menunaikan banyak tugas melaksanakan program itu.
113. Dengan begitu banyak tugas yang harus diselenggarakan MIC tidak dapat membiarkan tenaganya disia-siakan dengan pertelingkahan dalam dan dengan politik semasa sendirian secara berlebih-lebihan. Begitupun kerana politik dan orang-orang politik memang demikian sifatnya, adalah tidak realistik untuk kita mengharapkan anggota-anggota parti berusaha bersaingan bersama sendiri untuk merebut jawatan dalam parti dalam tahun-tahun rancangan ini dilaksanakan kelak.
114. Satu pertandingan untuk mendapatkan kedudukan yang baik dalam parti tidak semestinya tidak diingini. Sebaliknya, *persaingan antara anggota-anggota boleh menjadi satu jaminan untuk rancangan tindakan itu dilaksanakan dengan lancar dan cepat*. Jentera untuk program itu disusun begitu rupa hingga nafsu politik orang perseorangan boleh dikerah dan dipergunakan untuk kepentingan melaksanakan rancangan tersebut.

- (i) Sistem mengesan dan mengawasi kemajuan rancangan itu juga akan menjadi petanda bagaimana orang perseorangan dan kumpulan-kumpulan yang dipertanggung jawabkan melaksanakan rancangan itu telah mencapai kejayaan ataupun telah mengalami kemunduran.
 - (ii) Laporan-laporan prestasi yang akan dibentangkan dalam tiap perhimpunan agong MIC pada tahun-tahun akan datang akan berupa laporan berperinci. laporan-laporan itu akan menunjukkan bagaimana cawangan-cawangan serta para anggotanya telah menunaikan tugas mereka.
 - (iii) Kepimpinan MIC akan memberikan rancangan kepada para anggota agar menilai dan mengukur ketua-ketua cawangan dan para pegawai serta orang perseorangan berdasarkan cara mereka berjaya atau gagal menunaikan kewajipan serta tugas mereka melaksanakan program itu.
115. MIC berharap ukuran dan nilai seperti itu untuk menimbang kaliber pemimpin parti akan menolong menjadikan rancangan itu sebagai tumpuan penting parti untuk beberapa waktu yang lama dimasa hadapan.

C - IX KESIMPULAN: SATU PERMULAAN BAHARU

- 116. Ekonomi yang menjadi matlamat Wawasan 2020 adalah langkah ke hadapan yang wajar dalam pembangunan sebuah negara yang telah bermula sebagai masyarakat pertanian dan sekarang hampir menjadi sebuah negara industri baru.
- 117. Wawasan 2020 pasti mempercepatkan proses industri kerana syarikat-syarikat serta pihak-pihak lain menyambut dorongan kerajaan dengan membantu ekonomi canggih di masa hadapan.
- 118. MIC mengalu-alukan langkah menuju ke arah ekonomi abad ke-21 yang berupa tidak sahaja sebuah negara industri tetapi juga sebuah negara yang maju dalam tiap bidang teknologi,"yang digerakkan oleh tenaga otak, kemahiran dan kerajinan."
- 119. MIC juga ingin agar negara mempunyai ekonomi yang segar sihat, yang mampu menyesuaikan dirinya dengan cepat kepada perubahan-perubahan dalam pola perbekalan, keperluan dan persaingan. Tetapi MIC juga merasa bimbang bahawa Wawasan 2020 akan mengabaikan kedudukan kaum India yang terletak di tahap bawah sekali.
- 120. Masa lalu dan masa kini mengandungi terlalu banyak contoh bagaimana nasib golongan Kaum India yang daif dan bagaimana masyarakat kaum India seluruhnya telah diabaikan, Maka itulah MIC sekurang-kurangnya merasa agak bimbang. Sementara kaum-kaum lain bergerak maju ke arah peringkat baharu dalam kemajuan dan pembangunan mereka, sebahagian besar kaum India masih berada di luar "mainstream" atau arus pembangunan.
- 121. Dalam sambutanya terhadap Wawasan 2020, MIC telah menyusun satu program didasarkan sebanyak mungkin atas kemampuan kaum India menolong diri mereka sendiri. Tetapi sebanyak manakah satu-satu kaum yang daif mencapai kemajuan atas kemampuannya sendiri?

122. Dengan menghadapi masalah-masalah begitu besar sedangkan kemampuan begitu kecil pula, kaum India memerlukan banyak pertolongan dari kerajaan dan dari kaum-kaum lain untuk meningkat ke tahap kemajuan kaum Melayu dan kaum Cina.
123. Tujuan maha besar Wawasan 2020 ialah mewujudkan satu masyarakat bersatu iaitu Bangsa Malaysia, yang hidup makmur sebagai rakan-rakan yang berkongsi penuh dan yang terdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Sama ada ini akan bererti satu titik permulaan untuk kaum India yang menjadi rakyat Malaysia akan bergantung kepada sejauh mana kesediaan kita sebagai satu bangsa ingin mencapai cita-cita itu.

SUMBER: MIC, *WAWASAN 2020 DAN KAUM INDIA: PUSINGAN KEDUA*, 16 Februari, 1992.

Bab IV

Jadual 4.10
Taburan Syarikat-syarikat Pengeluaran Mengikut Kaum dan Negeri